



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PERKEMBANGAN UGAMA (B.2 EB.3 / B.2)
PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PERKEMBANGAN UGAMA
PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Bahasa Arab / Pengajian Islam / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

- i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengajian Bahasa Arab / Pengajian Islam / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.*

ATAU

- ii) *Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.*

ATAU

- iii) *Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.*

2. Berkemahiran dalam berceramah dan bersyarah dalam bidang keugamaan adalah kelebihan.
3. Berkemahiran dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Penolong Ketua Bahagian dalam Penyelidikan, Perancangan dan Perkembangan Bahagian Media [Penyiaran Da'wah];
2. Sebagai Penyelaras Rancangan-Rancangan Televisyen Harian:
 - Fadhilat Sembahyang;
 - Zikir-Zikir dan Doa-Doa memohon kepada Allah supaya terselamat daripada bala dan segala jenis penyakit; dan
 - Promo Selawat.
3. Penyelaras Bersama Rancangan-Rancangan Televisyen Mingguan:
 - *The Beauty Of Islam*;
 - Singgahan Ilmu;
 - An-Nuur; dan
 - Tazkirah Rampai Pagi.
4. Penyelaras Bersama Rancangan-Rancangan Televisyen Bermusim:
 - Tazkirah Ramadhan;
 - Di Ambang Ramadhan;
 - Kenali Rasulullah;
 - Nadwah Khas Sempena Hari-Hari Kebesaran Islam dan Negara;
 - Seharum Kasturi;
 - Menjelang Sungkai;
 - Takbir Hari Raya;
 - Bersama Ugamawan;
 - Kuiz Hijrah Muallaf; dan
 - Rancangan Khas.
5. Pencatat minit Mesyuarat Bahagian Media [Penyiaran Da'wah];
6. Menapis Rancangan-Rancangan Ugama terbitan Pusat Da'wah Islamiah;
7. Selaku Panel Penilai Rancangan Televisyen dan Radio;
8. Melibatkan diri dalam menjayakan Rancangan Televisyen dan Radio; dan
9. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.